

06 JUN 1997

Ranariddh-Kemboja

MASALAH POLITIK KEMBOJA AKAN SELESAI APABILA MENJADI ANGGOTA ASEAN

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Pertama Kemboja Norodom memberi jaminan kepada pelabur Malaysia bahawa "masalah" politik di negaranya akan diselesaikan sebaik sahaja ia menjadi anggota Asean.

Sambil mengaku bahawa keadaan politik di Kemboja tidak stabil sekarang, beliau berkata keputusan Asean untuk menerima masuk Kemboja bersama dengan Myanmar dan Laos akan membantu menyelesaikan masalah itu.

"...kami akan mencapai kestabilan politik dengan menjadi sebahagian dari Asean," katanya kepada pemberita apabila ditanya mengenai keselamatan pelaburan Malaysia di kemboja memandangkan kepada keadaan politik yang rapuh di Phnom Penh akibat rebutan kuasa.

Ranariddh sebelum itu menghadiri perbincangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-11 yang dirasmikan oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini.

Pilihan raya yang ditaja oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di kemboja pada tahun 1993 mengakhiri perang saudara dan pembunuhan beramai-ramai bertahun-tahun sebelumnya yang melibatkan tentera haluan kiri Khmer Rouge.

Tetapi kerajaan campuran yang dipilih pada pilihan raya itu sentiasa tidak stabil disebabkan oleh rebutan kuasa dari dalam dan keganasan sejak beberapa bulan yang lepas, termasuk serangan bom di Phnom Penh baru-baru ini.

Ranariddh berkata hubungan Phnom Penh-Kuala Lumpur dan pelaburan Malaysia di kemboja sedang berjalan dengan baik walaupun negara itu sedang menghadapi krisis politik.

Beliau menafikan syarikat-syarikat Malaysia di Kemboja sedang menghadapi masalah, dan berkata "sebaliknya saya fikir para pelabur Malaysia (di Kemboja) senang hati".

Dilaporkan April lepas bahawa Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen telah menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik tindakan Ranariddh mengisytihar beberapa perjanjian pelaburan syarikat Malaysia, Ariston Sdn Bhd, di kemboja sebagai tidak sah dan batal.

Dalam surat itu, Hun Sen memberi jaminan kepada Dr Mahathir bawa perjanjian-perjanjian itu yang melibat perancangan Ariston untuk membangunkan bandar Sihanoukville sebagai detinasi pelancongan berharga RM3.25 bilion masih sah.

Ditanya sama ada kemboja sudah bersedia untuk menyerta Asean Julai ini, Ranariddh berkata "kemboja lebih dari bersedia".

Pada mesyuarat khas mereka di sini baru-baru ini para menteri luar Asean membuat keputusan menerima masuk Kemboja, Myanmar dan Laos ke dalam badan serantau itu Julai ini sempena Mesyuarat Peringkat Menteri Asean.

Ranariddh berkata kemasukan kemboja ke dalam Asean akan membantu proses damai negara itu dan juga mempercepatkan pembangunan.

Beliau juga berkata Kemboja akan dapat disepadukan ke dalam Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) menjelang tahun 2000.

Mengenai pembunuhan dua rakyat Malaysia di kemboja baru-baru ini, Ranariddh berkata beliau tidak diberitahu oleh Duta Malaysia Ke Kemboja mengenai peristiwa itu "walaupun saya menemuinya beberapa kali (selepas itu)".

Bagaimanapun, katanya, kerajaannya akan menyiasat kejadian itu dan menambah bahawa pembunuhan itu mungkin dilakukan oleh "penjenayah biasa".

Kedua-dua rakyat Malaysia yang dibunuh itu ialah pekerja Double Ace

Investment Limited, sebuah syarikat Malaysia yang mendapat konsesi balak di Kemboja. Mereka dilaporkan diserang di wilayah Kratie, 600km dari Phnom Penh.

Duta Malaysia Kamal Ismaun dilaporkan berkata mereka dibunuh oleh penjahat-penjahat bersenjata.

Apabila ditanya sama ada kemboja aman sekarang, Ranariddh said:
"Sekiranya kemboja tidak aman bagaimana saya boleh menghadiri persidangan ini (Asia-Pasifik). Kehadiran saya bermakna semuanya beres di Kemboja," --
BERNAMA

ES WAT